

31 JUL 1997

ABDULLAH RAIKAN PERDANA MENTERI JORDAN (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) --Perdana Menteri Jordan Dr Abdel Salam Majali diraikan dalam majlis jamuan malam oleh Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sebuah hotel, di sini.

Mereka diiringi isteri masing-masing Mary Joan Majali dan Datin Seri Endon Mahmud.

Yang turut hadir di majlis itu Menteri Kesihatan Jordan Dr Ashraf Kurdi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Timbalan Menteri Pertahanan Dr Abdullah Fadzil Che Wan dan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna Datuk Kadir Sheikh Fadzir.

Dr Abdel Salam dan rombongan sedang dalam rangka lawatan tiga hari ke Malaysia bermula hari ini.

Beliau dan rombongan akan membuat kunjungan rasmi ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri petang esok selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

-- BERNAMA  
MHI NAK